

Headline	Selari kehendak agama - Mufti		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	4	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,052
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,155





## Selari kehendak agama - Mufti

**KUALA LUMPUR 21 Mac -** Konsep istito'ah yang dicadang diperkenalkan kerajaan bagi mengurangkan beban subsidi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) adalah bertepatan dengan tuntutan agama.

Perkara itu dimaklumkan Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad

**MOHAMAD SHUKRI MOHAMAD**

yang memberitahu, istito'ah bermaksud orang yang bakal mengerjakan haji mesti mempunyai kemampuan kewangan, meninggalkan perbelanjaan yang mencukupi kepada ahli waris serta aman daripada peperangan.

Tegasnya, tiga syarat itu sememangnya sudah termaktub dalam firman Allah iaitu sesiapa yang ada kemampuan dalam kalangan orang Islam barulah boleh mengerjakan ibadat haji.

"Difahamkan, orang yang hendak mengerjakan haji kosnya adalah RM22,000 bagi seorang individu, manakala bagi orang yang sudah mengerjakan haji yang ingin ke Mekah lagi juga perlu tambahan sebanyak RM22,900.

"Barangkali kerajaan merasakan agak keberatan untuk menampung perbelanjaan jemaah yang pertama kali ingin mengerjakan haji. Contohnya, kos dalam RM12,000 tetapi kerajaan tidak mampu lagi menampung dan mungkin mengenakan syarat minimum jumlah tabungan yang perlu dimiliki.

"Nama pun subsidi, terpulang kepada kerajaan untuk menarik balik. Nanti kalau sudah cukup RM22,000 barulah boleh menuaikan haji," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.